

UCAPAN YANG- AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PERSATUAN
KELUARGA POLIS DI-RAJA MALAYSIA (PERKEP)
DI KEM BRIGED POLIS HUTAN, ALOR AKAR
KUANTAN, PAHANG, PADA HARI JUMAAT
19HB. DISEMBER 1986
PUKUL 3.30 PETANG-

Yang Berbahagia

Puan Pengerusi, PERKEP;

Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama puan-puan sekalian di Majlis Perjumpaan dengan ahli-ahli Persatuan Keluarga Polis Di-Raja Malaysia (PERKEP) pada petang ini.

2.. Sebagai isteri kepada anggota keselamatan tentulah puan-puan sedar betapa murninya tugas suami puan-puan yang menjaga keselamatan negara. Di samping itu puan-puan juga sedar betapa bahayanya tugas suami puan-puan kerana menghadapi musuh negara setiap hari. Kerana tugas mereka, kadangkala mereka terpaksa meninggalkan keluarga untuk menjalankan operasi dalam hutan belantara. Tentulah puan-puan menunggu kepulangan mereka dengan hati yang berdebar. Oleh kerana tugas suami puan-puan yang berat itu, maka puan-puan perlulah bersabar dan mendoakan agar suami puan-puan dilindungi Allah Subhanahu Wataala dan pulang dengan selamat. Mungkin sebahagian besar antara puan-puan telah tahu dan sedar manakala mengahwini suami kita itu

bahawa inilah caranya hidup seorang isteri anggota keselamatan. Kita perlulah terima sahaja dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala.

3. Untuk memenuhi masa yang lapang ini, eloklah puan-puan menumpukan perhatian kepada aktiviti-aktiviti PERKEP selain daripada urusan rumahtangga. Dalam usaha kita menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan, kita hendaklah sentiasa memberi keutamaan kepada dua perkara.

4. Keutamaan pertama ialah kesihatan bagi membolehkan puan-puan menguruskan rumahtangga. Keutamaan kesihatan ini menjadi syarat kepada keutamaan yang kedua, iaitu urusan rumahtangga. Kita perlu pandai-pandai menjalankan urusan rumahtangga supaya aktiviti-aktiviti persatuan tidak menyulitkan puan-puan, malahan membantu puan-puan dalam hal pengurusan rumahtangga yang lebih baik lagi.

5. Saya berharap PEEKEP akan mengkaji cara-cara merapatkan hubungan di antara ahli-ahli. Hubungan yang mesra dan saling menghormati di antara satu sama lain akan menjalinkan silaturrahim dan membawa kepada suasana harmonis di Kem Briged ini. Kerana kerjaya suami puan, maka puan-puan dan anak-anak terpaksa tinggal dalam satu kem. Anggaphlah kem ini sebagai satu kampung, di mana jiran sebelah-menyebelah hidup dalam aman dan damai. Kalau puan-puan saling menghormati jiran-jiran sebelah, saya percaya perasaan kesunyian apabila suami berada jauh dapat dielak kalau puan-puan berbaik-baik dengan jiran. Puan-puan semua mengalami nasib yang sama, jadi eloklah berkawan dan bermesra dan saling membantu di antara satu dengan lain.

6. Selain daripada urusan rumahtangga dan mendidik anak-anak, puan-puan tentulah mempunyai banyak masa yang lapang. Saya percaya masa ini boleh digunakan dengan 'hobby¹ atau kesukaan puan-puan, seperti menjahit, membuat kraftangan, belajar membuat kuih-muih dan sebagainya. Pada

hemat saya, wanita tidak harus hilang identiti mereka walaupun telah menjadi isteri dan ibu. Mereka harus meluangkan masa untuk menjadi kreatif dan menjalankan kegiatan yang mereka suka sebagai jalan keluar daripada kebosanan ketika berada di rumah.

Puan-puan sekalian,

7. Saya sungguh gembira kerana dapat melawat Kent Briged Polis Hutan di Alor Akar ini, dan beramah mesra dengan ahli-ahli PERKEP. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada puan-puan sekalian yang tentunya telah berkerja kuat untuk membuat persiapan bagi lawatan saya pada petang ini. Saya ingin mengucapkan syabas kepada ahli-ahli PERKEP yang telah menunjukkan kebolehan dan kesefahaman bekerjasama untuk menjayakan lawatan saya pada petang ini. Semoga Allah Subhanahu Wataala mencucuri rahmat ke atas keluarga anggota-anggota Polis Hutan dan melindungi mereka daripada segala bahaya.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
